



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROJEK KAMPUNG ANAK ANGKAT
MADANI
BATU LUKING, DAERAH KANOWIT, BAHAGIAN SIBU**

24 MEI 2026 (AHAD)

9.30 PAGI

Salam Perpaduan, dan Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Kita dapat berhimpun pada pagi ini bagi menyempurnakan **Majlis Pelancaran Projek Kampung Angkat MADANI Batu Luking, Daerah Kanowit.**
2. Program Kampung Angkat MADANI ini merupakan satu inisiatif strategik Kerajaan MADANI yang digagaskan oleh YAB Dato Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, **berpaksikan semangat menyantuni rakyat serta memperkukuh pembangunan luar bandar secara inklusif dan menyeluruh.**
3. Program ini diselaras oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) bersama kementerian-kementerian melalui pendekatan *whole-of-government*, bagi memastikan pelaksanaan projek memberi impak terus kepada kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi.
4. Inisiatif ini adalah usaha bersepadu untuk merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. **Fokus utama meliputi penambahbaikan infrastruktur asas seperti bekalan air bersih, elektrik, dan jaringan jalan raya; peningkatan**

capaian digital; pemerksaan komuniti; serta pengukuhan sosioekonomi setempat.

5. Dalam konteks yang lebih luas, **usaha ini memberi penekanan yang amat serius terhadap agenda menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan komuniti, yang merupakan antara keutamaan utama Kerajaan MADANI.** Kemiskinan tidak boleh dilihat secara sempit sebagai isu kekurangan pendapatan semata-mata, tetapi ia merangkumi pelbagai dimensi kehidupan termasuk akses kepada kemudahan asas seperti air bersih, elektrik, jalan perhubungan, pendidikan berkualiti, kesihatan yang baik, serta peluang ekonomi yang lebih adil dan seimbang.
6. Melalui pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI, pendekatan yang diambil adalah untuk **memperkuh asas pembangunan kampung secara menyeluruh agar rakyat dapat keluar daripada kitaran kemiskinan secara mampan.**
7. Sehubungan itu, pendekatan ini jelas **membuktikan komitmen kerajaan MADANI yang tegas dan berfokus untuk memastikan setiap intervensi pembangunan benar-benar memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat dan memastikan tiada komuniti yang tercicir daripada arus pembangunan negara.**

8. Pendekatan ini juga selari dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam usaha **membasmi kemiskinan, mengurangkan ketidaksamaan, dan memastikan pembangunan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.**
9. Program Kampung Angkat MADANI menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi pelaksanaan serta liputan kampung terlibat. **Pada tahun 2024, sebanyak 43 buah kampung telah terlibat sebagai fasa permulaan** pelaksanaan program ini. Seterusnya, **pada tahun 2025, jumlah tersebut telah diperluaskan secara signifikan kepada 219 buah kampung,** mencerminkan komitmen kerajaan dalam mempercepat penyampaian manfaat kepada rakyat luar bandar.
10. Bagi **tahun 2026 pula, sasaran peluasan ditetapkan sehingga 500 buah kampung,** dengan pendekatan yang lebih agresif termasuk pelaksanaan projek inovatif seperti sistem tenaga solar luar grid bagi kawasan yang memerlukan penyelesaian tenaga alternatif.
11. **Bagi Projek Kampung Angkat MADANI di Batu Luking ini, sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan** bagi pelaksanaan beberapa komponen projek pembangunan yang memberi manfaat terus kepada penduduk setempat. Projek ini melibatkan tiga buah

rumah panjang utama iaitu **Rumah Bibi, Rumah Johnny, dan Rumah Morris**, yang menjadi antara tumpuan utama pelaksanaan inisiatif pembangunan di kawasan ini.

12. Antara projek utama yang akan dilaksanakan ialah **pembinaan Tangki Air Bersih yang bertujuan memastikan bekalan air yang lebih stabil, bersih dan selamat kepada penduduk**, sekali gus meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan komuniti. Pelaksanaan projek ini amat penting kerana ia menyentuh keperluan asas rakyat yang menjadi asas kepada kehidupan seharian, khususnya dalam memastikan akses kepada air bersih yang mencukupi tanpa gangguan. Dengan adanya kemudahan ini, ia bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber air tidak terawat, tetapi juga membantu mengurangkan risiko masalah kesihatan yang berpunca daripada bekalan air yang tidak konsisten.

13. Sebagai Ahli Parlimen Kanowit, saya amat menghargai kerjasama semua pihak antaranya agensi kerajaan terutamanya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Pejabat Residen Sibul, Pejabat Daerah Kanowit, pemimpin masyarakat, dan penduduk kampung yang bersama-sama menjayakan program ini. Kejayaan projek ini bergantung kepada kesepakatan

kita dalam semangat menyantuni rakyat dan bekerja sebagai satu pasukan.

14. Akhir kata, saya berharap Projek Kampung Angkat MADANI Batu Luling ini akan menjadi pemangkin kepada perubahan yang lebih bermakna dalam meningkatkan kesejahteraan, kualiti hidup, serta masa depan generasi akan datang.

15. *Aku ngembuan ati ti pechaya enggau bala kita Tuai Rumah sereta anak biak ba rumah panjai tu ulih besukung betulung enggau pangan diri ngambika nyadi chunto Model pemansang ba menua pesisir ti mujur.*

Dengan itu, saya merasmikan **Majlis Pelancaran Projek Kampung Angkat MADANI Batu Luling, Daerah Kanowit.**

Sekian, Terima Kasih.